TERM AND CONDITION / TERMA DAN SYARAT

# BANK ISLAM GOLD ACCOUNT-i / AKAUN EMAS-i BANK ISLAM

*(Not protected by PIDM / Tidak dilindungi oleh PIDM)*

**Effective 28 October 2024 / Berkuat kuasa 28 Oktober 2024**

## IMPORTANT NOTICE:

**CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THESE TERMS AND CONDITIONS ("T&C") BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.**

## NOTIS PENTING:

**PELANGGAN ADALAH DINASIHATI SUPAYA MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INI ("T&C") SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.**

### 1.0 OVERVIEW

These Terms and Conditions (T&C) set out in this document shall govern the operation of Bank Islam Gold Account-i (BIGA-i) product opened with Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944) ("Bank Islam").

### 1.0 GAMBARAN KESELURUHAN

Terma dan syarat (T&C) yang disebutkan dalam dokumen ini akan mengawal selia operasi produk Akaun Emas Bank Islam (BIGA-i) yang dibuka dengan Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944) ("Bank Islam").

### 2.0 DEFINITION

In this T&C, unless otherwise provided, the following words shall have the meaning as set out below:

**"Agent"** refers to the Bank who is appointed by the Customer to manage and operate BIGA-i on behalf of the customer.

**"Bank Islam"** refers to Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944)

**"Business Day"** refers to normal business hours when the Bank conduct banking business as defined in the Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013.

**"Purchase Price"** denotes the gold buy price that the Bank quote to the customer.

"**Customer"** refers to Bank Islam customer who had opened BIGA-i- with Bank Islam

**"CASATIA"** is abbreviation of Current Account, Savings Account and Transactional Investment Account opened with Bank Islam.

**"Gold Supplier"** refers to the company which has been selected by Bank Islam to be the gold provider/supplier to facilitate gold transactions at the bank.

**"Gold"** refers to 99.99% purity of gold with accreditation by London Bullion Market Association (LBMA)

**"Gold Redemption"** refers to a conversion of customer's gold in BIGA-i to a physical gold.

### 2.0 TAKRIFAN

Di dalam T&C ini, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:

**"Ejen"** merujuk kepada Bank Islam yang telah dilantik oleh Pelanggan untuk mengurus dan mengawal selia BIGA-i bagi pihak mereka.

**"Bank Islam"** merujuk kepada Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944)

**"Hari Perniagaan"** merujuk kepada waktu perniagaan normal sewaktu Bank melakukan perniagaan perbankan seperti yang didefinisikan dalam IFSA 2013.

**"Harga Belian"** merujuk kepada harga belian emas yang disebutkan kepada pelanggan.

"**Pelanggan"** merujuk kepada pelanggan Bank Islam yang telah membuka BIGA-i dengan Bank Islam.

**"CASATIA"** adalah singkatan (dalam Bahasa Inggeris) bagi Akaun Semasa, Akaun Simpanan dan Akaun Pelaburan Transaksi yang dibuka dengan Bank Islam.

**"Pembekal Emas"** merujuk kepada syarikat yang telah dipilih oleh Bank Islam untuk menjadi pembekal/penyedia emas bagi memudahkan transaksi emas di bank.

**"Emas"** merujuk kepada emas berketulenan 99.99% yang telah disahkan oleh LBMA.

**"Penebusan Emas"** merujuk kepada transaksi menukarkan emas pelanggan dalam BIGA-i kepada emas bentuk fizikal.

**"Product Disclosure Sheet" or "PDS"** means a sheet containing the relevant information and disclosure of the main terms of the BIGA-i.

**"Lembaran Maklumat Produk" atau "PDS"** bermaksud lembaran yang mengandungi maklumat dan pendedahan yang berkaitan dengan terma-terma utama bagi BIGA-i

**"Sale Price"** denotes the gold sell price that the Bank quote to the customer.

**"Harga Jualan"** merujuk kepada harga jualan emas yang ditunjukkan kepada pelanggan.

**"Security Vault Service Provider"** refers to the company appointed by the Bank and/or Gold Supplier to safekeep the physical gold bar.

**"Penyedia Perkhidmatan Peti Simpanan Keselamatan"** merujuk kepada syarikat yang telah dilantik oleh pihak bank dan/atau Pembekal Emas untuk menyimpan emas jongkong fizikal.

**"Transaction Hour"** refers to period between 9.30 a.m and 4.30 p.m according to operating hour of Bank Islam branches of each state.

**"Waktu Transaksi"** merujuk kepada tempoh antara 9.30 pagi dan 4.30 petang mengikut waktu operasi cawangan Bank Islam di setiap negeri.

**"Transaction Limit"** refers to a maximum purchase or sale or transfer or conversion limit of 3,000 grams per transaction and a cumulative limit of 10,000 grams per day for each BIGA-i account.

**"Had Transaksi"** merujuk kepada had pembelian atau penjualan, atau pemindahan atau penukaran maksimum sebanyak 3,000 gram bagi setiap transaksi dan had kumulatif sebanyak 10,000 gram sehari bagi setiap akaun BIGA-i**.**

## 3.0 DEFINITIONS OF MUAMALAT TERMINOLOGIES

**"Wakalah"** refers to a contract in which a party, as principal (muwakkil) authorises another party as his agent (wakil) to perform a particular task in matters that may be delegated, with or without imposition of a fee

## 3.0 TAKRIF ISTILAH MUAMALAT

**"Wakalah"** merujuk kepada kontrak yang mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil), memberi kuasa kepada pihak yang lain bertindak selaku ejen (wakil) kepada dirinya dalam melakukan sesuatu tugasan dalam urusan yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang yuran.

## 4.0 INTERPRETATIONS

**4.1** Words and expressions denoting the singular number only shall include the plural and vice versa and words and expressions denoting the masculine gender only shall include the feminine and neuter gender

**4.2** Reference to clauses and schedules shall, unless otherwise expressly provided, be references to Clauses of and the Schedules to this T&C.

**4.3** The headings in this T&C are inserted for convenience only and shall be ignored in construing the provisions of this T&C.

## 4.0 TAFSIRAN

**4.1** Perkataan dan ungkapan yang menunjukkan tunggal sahaja hendaklah merangkumi banyak dan sebaliknya serta perkataan dan ungkapan yang menunjukkan jantina maskulin sahaja hendaklah merangkumi jantina feminin dan neuter.

**4.2** Rujukan kepada klausa dan jadual hendaklah, melainkan diperuntukkan sebaliknya dengan nyata, menjadi rujukan kepada Klausa dan Jadual dalam T&C ini.

**4.3** Tajuk dalam T&C ini dimasukkan untuk memudahkan rujukan sahaja dan hendaklah diabaikan semasa mentafsirkan peruntukan T&C ini.

## 5.0 SCOPE OF AGENCY (WAKALAH)

Wakalah is the Shariah concept applicable for BIGA-i where Bank Islam as the Customer's agent shall carry out the following:

i. To execute purchase and/or sale transaction of gold.

ii. To facilitate gold safekeeping which include to identifying, arranging, and paying security vault service provider (third party) to safekeep the Customer's gold.

iii. To assign and re-assign the Physical Gold Bar serial number for the benefits of Customer.

iv. To assign third party to carry out delivery service to facilitate the conversion of gold by the Customer.

## 5.0 SKOP AGENSI (WAKALAH)

Wakalah merupakan konsep Syariah yang terpakai untuk BIGA-i dimana Bank Islam selaku ejen kepada Pelanggan perlu melaksanakan perkara berikut:

i. Melaksanakan transaksi pembelian dan/atau penjualan emas

ii. Memudahkan cara penyimpanan emas termasuklah dalam mengenal pasti, mengatur, dan membayar penyedia perkhidmatan peti simpanan keselamatan (pihak ketiga) bagi menyimpan emas Pelanggan.

iii. Memperuntukkan dan memperuntukkan semula nombor siri jongkong emas fizikal bagi faedah Pelanggan.

iv. Melantik pihak ketiga bagi melakukan perkhidmatan penghantaran emas dalam memudahkan proses penukaran emas oleh Pelanggan.

**6.0 OPENING OF ACCOUNT**

**6.1** Bank Islam reserves the right to stipulate and vary, from time to time with sufficient notice, the minimum amount of initial purchase required to open the account.

**6.2** Customer is not required to maintain minimum balance. However, Bank Islam reserves the right to auto-close Customer's account with zero balance for three (3) consecutive years

**6.3** Any application to open BIGA-i shall be made using the prescribed form and may be accompanied with the relevant documents as requested by Bank Islam. For application made by company, an instruction letter signed by the applicant's authorized signatories may be requested by Bank Islam.

**6.4** By making an application to open BIGA-i, the Customer confirms that he/she has read and understood the PDS related to BIGA-i product.

**6.5** Individual who has attained the age of at least eighteen (18) years are eligible to open an individual BIGA-I account. For minor age, BIGA-i must be opened under Trust Account with Customer's guardian.

**6.6** Bank Islam is authorised to act on all instructions given by the customer via any available channel. If any instructions are ambiguous or Bank Islam receives conflicting instructions, Bank Islam reserves the right not to act upon any instructions until the conflict has been resolved to Bank Islam's satisfaction, without any liability to Bank Islam.

**6.7** Customer is required to have CASATIA prior to opening of BIGA-i. The said CASATIA must be maintained and linked with the BIGA-i to facilitate settlement or payment of gold purchased, sold, redeemed and/or any transactions related to BIGA-i

**6.8** Bank Islam will debit Customer's CASATIA for the settlement of the purchase of Gold and any other fees & charges under these T&Cs.

**6.9** The Customer further acknowledge and agree that Bank Islam may reject the application for opening of BIGA-i if customer failed, refused and/or decided not to open the CASATIA with Bank Islam.

**6.10** Bank Islam may, to the extend permitted by law and Shariah principles accept the opening or continuance of BIGA-i product.

**7.0 PURCHASE OF GOLD**

**7.1** In connection to the Scope of Agency as stipulated above, the Bank will purchase the gold from the gold supplier on behalf of customer pursuant to the Customer's written instruction in accordance with this T&C.

**6.0 PEMBUKAAN AKAUN**

**6.1** Bank mempunyai hak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa melalui notis yang mencukupi, jumlah minimum pembelian pertama yang diperlukan untuk membuka akaun.

**6.2** Pelanggan tidak diwajibkan untuk mengekalkan baki minimum. Bagaimanapun, Bank Islam berhak untuk menutup akaun Pelanggan secara automatik sekiranya baki akaun adalah kosong selama tiga (3) tahun berturut-turut.

**6.3** Sebarang permohonan untuk membuka BIGA-i hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan dan mungkin disertakan berserta dokumen-dokumen yang berkaitan, seperti mana yang diminta oleh Bank Islam. Bagi permohonanan yang dibuat oleh Syarikat, surat arahan yang ditandatangani oleh penandatangan sah yang dilantik juga mungkin diminta oleh pihak Bank Islam.

**6.4** Dengan membuat permohonan untuk membuka BIGA-i, Pelanggan mengesahkan bahawa dirinya telah membaca dan memahami PDS yang berkaitan dengan produk BIGA-i.

**6.5** Individu yang telah mencapai usia sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun layak untuk membuka BIGA-i individu. Bagi individu bawah umur, BIGA-i perlu dibuka di bawah Akaun Amanah bersama dengan penjaga.

**6.6** Bank Islam diberi kuasa untuk bertindak atas semua arahan yang diberikan oleh pelanggan melalui apa-apa saluran yang tersedia. Sekiranya terdapat apa-apa arahan yang tidak jelas atau Bank Islam menerima arahan yang bercanggah, Bank Islam mempunyai hak untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik tersebut telah diselesaikan menurut kepuasan Bank Islam tanpa sebarang liabiliti kepada Bank Islam.

**6.7** Pelanggan dihendaki untuk memiliki akaun CASATIA sebelum membuka akaun BIGA-i. CASATIA tersebut perlulah dikekalkan dan dihubungkan dengan BIGA-i bagi memudahkan penyelesaian atau pembayaran emas yang dibeli, emas yang ditebus dan/atau sebarang transaksi melibatkan BIGA-i.

**6.8** Bank Islam akan mendebitkan *CASATIA* Pelanggan bagi penyelesaian pembelian emas mereka dan lain-lain yuran dan caj dibawah T&C ini.

**6.9** Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Bank Islam boleh menolak permohonan untuk membuka BIGA-i sekiranya Pelanggan gagal, enggan dan/atau memutuskan untuk tidak membuka CASATIA dengan Bank Islam.

**6.10** Bank Islam boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan prinsip Syariah menerima pembukaan atau penerusan produk BIGA-i.

**7.0 PEMBELIAN EMAS**

**7.1** Berkaitan dengan Skop Agensi yang dinyatakan di atas, pihak Bank akan membeli emas daripada pembekal emas bagi pihak pelanggan—berdasarkan arahan bertulis pembelian oleh Pelanggan mengikut T&C ini.

**7.2** All gold purchased by the Customer will be safe kept by Bank Islam at third party Security Vault Service Provider and Customer is allowed to convert into physical gold subject to terms and conditions stated in this T&C.

**7.3** Upon successful purchase of gold by Customer, Bank Islam will record in the BIGA-i the following information:

- i. The ownership or physical gold serial number
- ii. The quantity of gold purchased in grams;
- iii. The price of gold purchased in RM equivalent:
- iv. The total balance of gold (in grams) at the time of purchase instruction.

**7.4** The Customer acknowledge and agree that the Customer will only be permitted to perform purchase transaction within the Transaction Limit during Transaction Hour. The Bank shall have right to cancel, revoke, reverse or annul any of the purchase(s) made which exceed the Transaction Limit and outside of Transaction Hour.

**8.0 SALE OF GOLD**

**8.1** In connection to the Scope of Agency as stipulated in this T&C, the Bank will sell the gold to the gold supplier on behalf of customer pursuant to the Customer's written instruction in accordance with this T&C.

**8.2** Upon successful sale of gold by the Customer, Bank Islam will update in the BIGA-i the following informations:

- i. The quantity of gold sold in grams;
- ii. The price of gold sold in RM equivalent:
- iii. The price of gold per gram in RM;
- iv. The balance of gold (in grams) in the BIGA-i (if any)

**8.3** The Customer acknowledge and agree that Customer will only be permitted to perform sell transaction within the Transaction Limit during Transaction Hour and Business Day. The Bank shall have right to cancel, revoke, reverse or annul any of the sale(s) made which exceed the Transaction Limit and outside of Transaction Hour.

**8.4** The sale instruction is only limited to the quantity of gold in the BIGA-i. The Bank reserves the right to refuse the sale instruction in the event of insufficient gold balance.

**8.5** The proceeds of the sale of gold in RM will be credited to Customer's CASATIA upon completion of the sale or on the same Business Day.

9.0 **TRANSFER OF GOLD**

9.1 The Customer acknowledges that the Customer is allowed to transfer the available Gold balance in grams from the Customer's BIGA-i to any third party's BIGA-i with the Bank subject to Transaction Limit. The Customer also acknowledges that any transfer of Gold made by the Customer pursuant to this Clause will be done in a manner not contrary to the Shariah principles

**7.2** Semua emas yang dibeli oleh Pelanggan akan disimpan oleh Bank Islam di Penyedia Perkhidmatan Peti Keselamatan dan Pelanggan adalah dibenarkan untuk menukarnya kepada emas fizikal tertakluk kepada terma dan syarat penebusan seperti dinyatakan dalam T&C ini.

**7.3** Setelah pembelian emas oleh Pelanggan berjaya dilakukan, Bank Islam akan merekodkan di BIGA-i maklumat berikut:

- i. Nombor siri pemilikan atau nombor siri emas fizikal
- ii. Kuantiti emas yang dibeli dalam gram;
- iii. Harga emas yang dibeli dalam RM yang setara;
- iv. Baki emas (dalam gram) pada masa arahan pembelian

**7.4** Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa transaksi pembelian hanya dibenarkan dalam Had Transaksi Pembelian semasa Waktu Transaksi. Bank berhak untuk membatalkan,menarik balik, atau memansuhkan sebarang pembelian yang telah dibuat yang melebihi Had Transaksi Pembelian dan diluar Waktu Transaksi.

**8.0 PENJUALAN EMAS**

**8.1** Berkaitan dengan Skop Agensi yang dinyatakan dalam T&C ini, pihak Bank boleh menjual emas kepada pembekal emas bagi pihak pelanggan berdasarkan arahan penjualan oleh Pelanggan mengikut T&C ini.

**8.2** Setelah penjualan emas oleh Pelanggan berjaya dilakukan, Bank Islam akan merekodkan di BIGA-i maklumat berikut:

- i. Kuantiti emas yang dijual didalam gram;
- ii. Harga emas yang dijual dalam RM yang setara;
- iii. Harga emas per gram dalam RM;
- iv. Baki emas (dalam gram) di dalam BIGA-i (jika ada)

**8.3** Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa transaksi jualan hanya dibenarkan dalam Had Transaksi Jualan semasa Waktu Transaksi dan Hari Perniagaan. Bank berhak untuk membatalkan,menarik balik, atau memansuhkan sebarang jualan yang telah dibuat yang melebihi Had Transaksi Jualan dan di luar Waktu Transaksi.

**8.4** Arahan jualan emas adalah terhad kepada kuantiti emas dalam BIGA-i Pelanggan. Pihak Bank berhak menolak arahan jualan sekiranya terdapat kekurangan pada baki emas.

**8.5** Hasil jualan emas didalam RM akan dikreditkan ke dalam CASATIA Pelanggan setelah selesai jualan atau pada Hari Perniagaan yang sama.

9.0 **PEMINDAHAN EMAS**

9.1 Pelanggan mengakui bahawa Pelangan dibenarkan untuk memindahkan baki Emas yang ada dalam gram daripada BIGA-i Pelanggan kepada akaun BIGA-i pihak ketiga tertakluk kepada Had Transaksi. Pelanggan juga mengakui bahawa mana-mana pemindahan Emas yang Pelanggan lakukan menurut klausa ini tidak akan bercanggah dengan prinsip Syariah.

9.2 Upon the completion of the Gold transfer transaction as instructed by the Customer, the Bank will update the Customer's BIGA-i accordingly.

9.2 Setelah transaksi pemindahan Emas disempurnakan seperti diarahkan oleh Pelanggan, Bank akan mengemas kini BIGA-i Pelanggan sewajarnya.

**10.0 PURCHASE AND SALE PRICE**

**10.0 HARGA JUALAN DAN PEMBELIAN**

**10.1** The **purchase price** by Customer will be the **Sale Price** in RM per gram as quoted by the Bank based on prevailing gold price to customer at the time of the transaction.

**10.1** Harga pembelian oleh Pelanggan adalah Harga Jualan dalam RM per gram seperti yang ditunjukkan oleh pihak Bank berdasarkan harga emas semasa kepada Pelanggan pada saat transaksi dilakukan.

**10.2** The **sell** price from Customer will be the **Purchase** Price in RM per gram as quoted by the Bank based on prevailing gold price to customer at the time of the transaction.

**10.2** Harga penjualan daripada Pelanggan adalah Harga Belian dalam RM per gram seperti yang ditunjukkan oleh pihak Bank berdasarkan harga emas semasa kepada Pelanggan pada saat transaksi dilakukan.

**10.3** The actual daily customer's purchase and sell price will be made known to the Customer upon Customer's confirmation to purchase or/and sell the gold.

**10.3** Harga pembelian dan jualan harian yang sebenar oleh Pelanggan akan diberitahu kepada Pelanggan setelah pengesahan untuk membeli atau/dan menjual emas telah dibuat.

**11.0 SAFEKEEPING OF THE PHYSICAL GOLD**

**11.0 PENYIMPANAN EMAS FIZIKAL**

**11.1** The Gold Supplier will impose a safekeeping fee based on average daily balance of the gold value. The safekeeping fee will be charged on monthly basis and will be deducted from Customer's account linked with the BIGA-i. The prevailing safekeeping fee may be referred to Bank Islam website or in the PDS.

**11.1** Pihak Pembekal Emas akan mengenakan yuran penyimpanan berdasarkan kepada purata Nilai baki harian emas. Yuran tersebut akan dicaj secara bulanan dan akan ditolak daripada akaun Pelanggan yang dihubungkan dengan BIGA-i. Yuran penyimpanan terkini boleh dirujuk di laman sesawang Bank Islam atau di dalam PDS.

**11.2** Customer must ensure that there is sufficient amount in the CASATIA for the Bank to debit the Safekeeping fee every month or at any time which necessary.

**11.2** Pelanggan perlu memastikan terdapat amaun yang mencukupi dalam CASATIA bagi tujuan pendebitan yuran penyimpanan oleh pihak Bank setiap bulan atau pada bila-bila masa yang bersesuaian.

**11.3** In the event of insufficient amount in the CASATIA for debiting of the safekeeping fee, Customer acknowledges and agree to appoint the Bank as an agent to sell the available gold balance in the BIGA-i based on the prevailing Purchase Price equivalent to the safekeeping amount due.

**11.3** Sekiranya terdapat kekurangan baki dalam CASATIA bagi tujuan pendebitan yuran penyimpanan, Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk melantik Bank sebagai ejen untuk menjual baki emas yang terdapat dalam BIGA-i berdasarkan Harga Belian semasa yang bersamaan dengan jumlah yuran penyimpanan yang tertunggak.

**11.4** In the event that exercise mentioned in the Clauses 11.2 and 11.3 are unsuccessful for six (6) consecutive months, the Bank has the right to recover the amount due by way of legal action against the Customer whereby all costs related thereto shall be borne by Customer.

**11.4** Sekiranya pelaksanaan yang dinyatakan dalam Klausa 11.2 dan 11.3 tidak berjaya selama enam (6) bulan berturut-turut, pihak Bank berhak untuk mendapatkan semula jumlah tertunggak melalui tindakan undang-undang ke atas Pelanggan dimana segala kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

**12.0 GOLD CONVERSION (PHYSICAL GOLD REDEMPTION)**

**12.0 PENUKARAN EMAS (PENEBUSAN EMAS FIZIKAL)**

**12.1** The Customer can convert their gold from BIGA-i into physical gold in the form of gold bar and/or gold dinar as per available denomination in Appendix 1. The gold conversion is subject to limit applicable for each delivery as stated in Appendix 1 and Transaction Limit. This transaction does not involve buy and sell transaction.

**12.1** Pelanggan boleh menukarkan emas mereka daripada BIGA-i kepada emas fizikal sama ada dalam bentuk jongkong dan/atau dinar emas seperti denominasi yang dinyatakan di Lampiran 1. Penukaran emas ini adalah tertakluk kepada had bagi setiap penghantaran seperti dinyatakan di Lampiran 1 dan Had Transaksi. Transaksi ini tidak melibatkan transaksi jual dan beli.

**12.2** Bank Islam does not accept sell back of the physical gold and conversion of the physical gold into BIGA-i

**12.2** Bank Islam tidak akan menerima penjualan semula emas yang telah ditebus oleh pelanggan dan sebarang penukaran emas fizikal kepada emas dalam BIGA-i.

**12.3** Bank Islam shall update Customer's BIGA-i accordingly upon the Bank's acceptance of customer's instruction for the Gold Conversion.

**12.4** The delivery of the physical gold is only available via Courier Services. The fulfilment of the courier services and/or special delivery service will be done by Gold Supplier. Bank Islam will disclose relevant information such as name, telephone number and delivery address to the Gold Supplier for gold redemption purpose.

**12.5** The Gold Supplier will appoint a registered courier company to deliver the physical gold to the beneficiary provided by the Customer within 3 to 5 Business Days for Peninsular Malaysia and within 3 to 7 Business Days for East Malaysia from the Customer's application date.

**12.6** Customer is highly encouraged to subscribe for takaful/insurance for the gold delivery to ensure that the physical gold is covered against loss, theft and damage during the delivery of the same to the Customer. In the event insurance/takaful is not subscribed, all risk of loss and damage to the physical gold shall be borne by the Customer.

**12.7** All the applicable charges, delivery cost and relevant fees shall be borne by the Customer as per Appendix 1 and shall be settled in full by the Customer before Gold Supplier processes the Customer's request for gold conversion. The Bank is authorized to debit Customer's CASATIA for the purpose.

**13.0 EVENT FOR REPLACEMENT RELATED TO GOLD CONVERSION**

**13.1** Gold Supplier shall replace the physical gold to the Customer between 10 to 15 Business Days from the date of receipt of Customer's complaint in writing from Bank Islam supported by a police report provided by Customer to Bank Islam and any other supporting documents as may be required or requested by Gold Supplier, in the event of the occurrence of the following circumstances:

i. All or part of the physical gold was lost or stolen during the delivery process.

ii. All or part of the physical gold was discovered to be fake or failed to satisfy the quality of LBMA accredited 99.99% purity physical gold bars at the time when the gold was delivered to the Customer.

**12.3** Bank Islam akan mengemas kini BIGA-i Pelanggan sewajarnya setelah penerimaan oleh pihak Bank akan arahan Pelanggan bagi Penebusan Emas.

**12.4** Penghantaran emas fizikal hanya melalui Perkhidmatan Kurier. Pelaksanaan pengurusan bagi perkhidmatan kurier dan/atau perkhidmatan penghantaran khas akan dilakukan oleh Pembekal Emas. Bank Islam akan mendedahkan informasi berkaitan seperti nama, nombor telefon dan alamat penghantaran kepada Pembekal Emas bagi tujuan penebusan emas.

**12.5** Pembekal Emas akan melantik syarikat kurier yang berdaftar untuk menghantar emas fizikal kepada penerima yang telah diberikan Pelanggan dalam tempoh 3 ke 5 Hari Perniagaan bagi Semenanjung Malaysia dan dalam tempoh 3 ke 7 Hari Perniagaan bagi Timur Malaysia dari tarikh permohonan Pelanggan.

**12.6** Pelanggan disarankan untuk melanggan takaful/insurans bagi penghantaran emas bagi mempastikan emas fizikal adalah dilindungi terhadap risiko kehilangan, kecurian dan kerosakan dalam tempoh penghantaran kepada Pelanggan. Sekiranya insurans/takaful tidak dilanggani, semua risiko kehilangan dan kerosakan emas fizikal akan ditanggung oleh Pelanggan.

**12.7** Kesemua caj, kos penghantaran dan yuran-yuran berkaitan perlu ditanggung oleh Pelanggan seperti dalam Lampiran 1 dan ianya perlu diselesaikan sepenuhnya oleh Pelanggan sebelum Pembekal Emas mula memproses permohonan Pelanggan untuk penukaran emas. Pihak Bank dibenarkan untuk mendebitkan CASATIA Pelanggan bagi tujuan ini.

**13.0 KEADAAN BAGI PENGGANTIAN BERKAITAN PENUKARAN EMAS**

**13.1** Pembekal Emas akan menggantikan emas fizikal kepada Pelanggan dalam tempoh antara 10 sehingga 15 Hari Perniagaan daripada tarikh penerimaan aduan bertulis Pelanggan melalui Bank Islam yang telah disokong dengan laporan polis yang diserahkan kepada Bank Islam oleh Pelanggan berserta dengan dokumen-dokumen sokongan lain yang diperlukan dan diminta oleh pihak Pembekal Emas, apabila berlaku keadaan-keadaan seperti berikut:

i. Kesemua atau sebahagian daripada emas fizikal telah hilang atau dicuri semasa proses penghantaran.

ii. Kesemua atau sebahagian daripada emas fizikal telah didapati sebagai tiruan atau gagal menepati kualiti pengesahan ketulenan emas fizikal 99.99% LBMA semasa emas dihantar kepada Pelanggan.

**13.2** If the delivered physical gold is claimed to be fake, lost in delivery and/or defective (inclusive of lower gold quality), Customer shall make a police report and lodge a complaint to Bank Islam within 3 Business Days from the expected delivery date. Customer may submit written complaint to Bank Islam Contact Centre & Customer Care address as per stated in the PDS or Bank Islam website.

**13.3** If the Customer fails to submit his complaint within the time stipulated, Gold Supplier shall have the rights to reject such complaint without assigning any reason whatsoever for such rejection.

**14.0 CLOSURE OF ACCOUNT**

**14.1** BIGA-i can be closed upon request by the Customer in person at Bank Islam branches or any available channel which will be communicated by Bank Islam from time to time.

**14.2** To close the BIGA-i, Customer is required to sell all the gold available in their account based on the Sale of Gold clauses

**14.3** Subject to clause 18, Bank Islam reserves the right to close the Customer's BIGA-i at any point of time. Prior to closure, if there is any available gold balance in the BIGA-i, Bank Islam will sell the gold at the prevailing Purchase Price and the proceeds of such sale will be credited into Customer's CASATIA. The Bank will not be responsible for any loss, if any, in the sale of the gold or for any loss or depreciation in value except for gross negligence, wilful default and fraud on the part of Bank Islam.

**14.4** Bank Islam reserves the right to close the BIGA-i if there is no gold balance in BIGA-i for consecutive period of three (3) years without the necessity to assign any reasons and/or notice to the Customer.

**15.0 DISSOLUTION OF GOLD SUPPLIER'S COMPANY**

**15.1** In the event of dissolution of Gold Supplier due to what-so-ever reasons, the Customer will continue to have the absolute rights over the gold in BIGA-i.

**15.2** In connection to the scopes of agency as stipulated in this T&C, in the event the Gold Supplier dissolve its business or operation or is liquidated, the Gold Supplier would assign a legal entity to act as the new custodian of all the gold purchased and owned by customers.

**15.3** However, should the Gold Supplier and/or the Bank failed to assign new legal entity to act as custody within three (3) months from the Gold Supplier's dissolution date, the sole custodianship of the customers' gold shall be upon Bank Islam.

**13.2** Sekiranya terdapat dakwaan bahawa emas fizikal yang dihantar itu adalah palsu, atau hilang semasa penghantaran dan/atau rosak (termasuk emas yang rendah kualitinya), Pelanggan perlu membuat laporan polis dan aduan kepada Bank Islam dalam tempoh 3 Hari Perniagaan daripada Tarikh jangkaan penghantaran. Pelanggan boleh menghantar aduan bertulis kepada alamat Pusat Panggilan Bank Islam & Khidmat Pelanggan seperti yang tertera di dalam PDS atau laman sesawang Bank islam.

**13.3** Sekiranya Pelanggan gagal menghantar aduan dalam tempoh masa yang dinyatakan, Pembekal Emas akan mempunyai hak untuk membatalkan aduan tersebut tanpa perlu menyatakan sebarang sebab pembatalan tersebut.

**14.0 PENUTUPAN AKAUN**

**14.1** BIGA-i boleh ditutup apabila diminta oleh Pelanggan di mana-mana cawangan Bank Islam atau melalui sebarang saluran yang ada seperti dimaklum oleh Bank Islam dari masa ke semasa.

**14.2** Bagi penutupan BIGA-i, Pelanggan perlu menjual kesemua emas yang ada didalam akaun berdasarkan klausa-klausa Penjualan Emas

**14.3** Tertakluk kepada klausa 18, Bank Islam berhak menutup BIGA-i pada bila-bila masa. Sebelum penutupan, jika terdapat baki emas di dalam BIGA-i, Bank Islam akan menjual emas tersebut pada Harga Jualan semasa dan hasil penjualan akan dikreditkan ke dalam CASATIA Pelanggan. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, jika ada, dalam penjualan emas atau apa-apa kerugian atau susut nilai emas kecuali jika disebabkan oleh kecuaian, kemungkiran yang disengajakan dan penipuan oleh pihak Bank Islam.

**14.4** Bank Islam berhak menutup BIGA-i sekiranya didapati tiada sebarang baki emas selama tiga (3) tahun berturut-turut tanpa perlu memberikan alasan dan/atau notis kepada Pelanggan.

**15.0 PEMBUBARAN SYARIKAT PEMBEKAL EMAS**

**15.1** Sekiranya berlaku pembubaran syarikat Pembekal Emas atas apajua sebab, Pelanggan akan terus mempunyai hak mutlak ke atas emas di dalam BIGA-i.

**15.2** Berkaitan dengan peranan-peranan agensi yang dinyatakan di atas, sekiranya Pembekal Emas berhenti daripada beroperasi atau dicairkan, Pembekal Emas akan melantik entiti undang-undang untuk bertindak selaku penjaga baru bagi kesemua emas yang dibeli dan dimiliki oleh pelanggan.

**15.3** Bagaimanapun, sekiranya Pembekal Emas dan/atau pihak Bank gagal melantik entiti undang-undang yang baru untuk bertindak sebagai penjaga dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pembubaran Pembekal Emas, Bank Islam akan bertindak sebagai penjaga tunggal bagi emas-emas pelanggan.

**15.4** Bank Islam reserves the right to appoint a legal entity to act as an administrator to liquidate the gold owned by the Customer according to their market value and return the proceed to the Customer.

**15.5** Bank Islam reserves the right to close the customer's BIGA-i upon completion liquidation exercise of customer's gold as per stated above.

**16.0 FEES AND CHARGES**

Bank Islam shall be entitled to charge fee for any of its services provided to the Customer at the rates imposed by Bank Islam (as approved by Bank Negara Malaysia and subject to the Shariah rules and principles) based on the Shariah contract of Wakalah and as set out in the PDS, Bank Islam's website and/or any channels as communicated by Bank Islam. Bank Islam shall have the right to debit the Customer's account for the said charges.

**17.0 STATEMENT OF ACCOUNT**

**17.1** The statement of account issued by Bank Islam shall be valid and binding against Customer if not disputed within fourteen (14) calendar day from the date of statement.

**17.2** Bank Islam will issue statement to BIGA-i Customer on yearly basis.

17.3 Customer is responsible to verify entries of all statement of account balance issued/ made available by Bank Islam and to notify Bank Islam in writing within fourteen (14) calendar days from the date of the statement of account of any error, irregularity, discrepancy, claim or unauthorized debit or credit item whether made, processed or paid out as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whomsoever. Unless otherwise notified by the Customer within the aforementioned period, all statement of account, balance issued/ made available by Bank Islam shall be valid and binding against the Customer. Bank Islam shall not be liable for any unauthorized alteration on the statement of account, nor for its misuse, acceptance or unauthorized use.

**18.0 FREEZING, HOLDING, SUSPENDING AND/OR CLOSING OF ACCOUNT**

**18.1** Bank Islam may freeze, hold, suspend, close and/or place any other appropriate tagging on Customer's account whatsoever and dealing with the balances in the Customer's account at Bank Islam's discretion upon receipt of the notice of death, insanity, bankruptcy and winding-up or upon being served with order from court, relevant authorities, or enforcement agencies, or at Bank Islam's opinion proper and necessary to do so (where it is final and binding).

